

Soalan

SAYA pelajar tahun pertama di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di selatan tanah air. Saya pelajar sederhana dari segi pelajaran, rupa paras dan kekayaan.

Saya memasuki IPTA melalui ijazah. Saya tertekan kerana cemburu dengan seorang rakan universiti. Dia cantik, pandai dan datang dari keluarga berada. Dia masuk IPTA melalui matrikulasi. Umurnya lebih muda dari saya, tapi dia nampak jauh bergaya. Ramai pelajar universiti cuba menjadikan dia teman wanita.

Saya perhatikan pelajar lelaki di kampus hanya memberi tumpuan kepada pelajar perempuan cantik saja. Saya istilah mereka sebagai miang dan gatal.

Kadang kala saya terfikir kenapa saya tidak sependai, secantik dan sekaya dia? Ini membuatkan saya sedih dan menangis. Saya juga sering rasa rendah diri.

Siswi Rendah Diri,
JOHOR

Jawapan

DR merasa empati dengan apa yang adik alami. Sememangnya, secara psikologi, setiap individu ingin disayangi dan dihargai. Individu pasti berusaha untuk berkembang bagi mencapai kesempurnaan yang subjektif. Perasaan rendah diri boleh berlaku apabila individu membuat perbandingan

Cemburu rakan lebih bergaya

Gambar Hiasan



dengan orang yang mempunyai kelebihan dengan dirinya. Apabila adik mula membuat perbandingan dengan rakan yang adik persepsi sebagai 'lebih pandai, lebih cantik dan lebih kaya', konsep kendiri pasti rendah. Adik mula mempersoalkan banyak ciri

dan sifat yang adik miliki. Berasa cemburu adalah sifat semula jadi manusia. Lumrahnya, tidak salah cemburu, tapi jangan ia memakan diri. Sebaliknya jadikanlah rasa cemburu itu sebagai pembakar semangat adik untuk lebih berjaya

dalam hidup. Kejayaan memasuki universiti adalah satu potensi diri dan membuktikan adik seorang yang pandai. Melalui potensi diri ini, adik boleh meningkatkan lagi kejayaan dalam pelajaran dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

Beri fokus dalam pelajaran dan belajar berhenti membuat perbandingan dengan orang lain.

Imam Al-Ghazali menyatakan 'raihlah ilmu dan untuk meraih ilmu belajarliah untuk tenang dan sabar.' Bagi bersifat tenang serta sabar, melihat kelebihan orang lain perlu dijauhi. Berkenaan Mengenai pandangan adik bahawa lelaki memang sukakan perempuan cantik saja, mungkin ada kebenaran kerana setiap yang indah itu memang suka dilihat.

Tapi, ini tidak bermakna setiap lelaki mendapat pasangan wanita cantik. Ini kerana kecantikan itu bersifat subjektif dan pada mata yang memandang dan tiada wanita yang tidak cantik.

"Kecantikan seorang perempuan bukan pada kehalusan wajah tapi pada kecantikan yang murni,

terpancar pada jiwanya yang penuh kasih memberikan perhatian dan cinta". Soal membina hubungan adalah soal hati. Soal perkahwinan adalah soal jodoh.

Berkenaan teman lelaki, biarlah perhubungan itu datang tanpa dipaksa. Jika yakin dan selesa pada diri sendiri dengan sendirinya orang melihat keikhlasan diri adik. Perhubungan juga terjalin apabila orang melihat kita selesa dengan diri sendiri. Apabila diri selesa, orang lain pun selesa dengan kita.

Satu hari nanti, apabila adik bertemu lelaki yang ikhlas untuk menjalin hubungan dengan adik, ketika itu cinta ialah apabila adik bertemu dan membuat pilihan yang tepat. Ketika itulah juga ruang kosong di antara celah jari adik dicipta untuk dipenuhi jari kekasih.

Hati masih pada bekas tunang

Soalan

SAYA pernah bertunang dan hubungan kami terputus pada tahun lepas. Kini saya mempunyai teman wanita yang baru. Masalahnya, saya masih tidak dapat menerima hakikat bahawa pertunangan dulu sudah putus.

Saya kurang percaya pada alam percintaan walaupun ada kekasih baru. Saya menjadi begini akibat terlalu kecewa selepas segala pengorbanan saya untuk bersama tunang dulu dipandang remeh.

Pernah saya ditawarkan bekerja di luar negara, tapi tawaran itu saya tolak kerana ingin bersamanya di negara ini. Saya juga pernah menghadiri sesi uji bakat untuk satu rancangan realiti televisyen dan mungkin mara ke peringkat seterusnya jika menerima tawaran itu kerana dia tidak mahu saya menjadi popular.

Saya cuba puaskan hatinya dengan pengorbanan demi pengorbanan, namun dia mengakhirinya dengan ayat perpisahan. Sebulan hidup saya jadi tunggang langgang kerana dia.

Saya cuba menyingkir jauh ingatan terhadapnya dengan membakar segala potret kenangan kami waktu bersama. Kenalan saya cuba membantu dengan memperkenalkan rakannya kepada saya. Kini rakannya itu adafah kekasih saya yang baru.

Kebelakangan ini fikiran saya semakin terganggu apabila secara tidak sengaja terjumpa laman sosial bekas tunang. Ternyata saya masih menyintainya. Saya berasa serba salah dan tidak adil pada diri sendiri dan kekasih kerana dia amat menyintai saya, padahal saya menyintai bekas tunang.

Kadang kala, saya fikirkan untuk terus membujang sampai bila bila. Apa yang perlu saya lakukan?

Lara,
Selangor

Jawapan
DAN ENARLAH kata Dr. Khalid Bai Muhlilh "Perasaan seorang lelaki dan perempuan, jika tidak dilkat (dalam bingkai pernikahan), ia menjadi angin taufan yang engkau tidak mengetahui ke mana arah angin itu menemuimu."

Begitu gambaran percintaan adik dengan bekas tunang. Tentu mengguris-hati selepas sekian lama menggigit cinta indah, apabila taufan melanda, cinta itu putus di tengah jalan dan berakhir dengan linangan air mata.

Perasaan kecewa yang adik alami adalah normal. Apabila kita terlalu mencintai seseorang dan cinta tidak kesampaian, ia memamah segala jiwa raga. Kekuatan untuk mencintai adalah anugerah terbesar yang kau diberikan Tuhan kepada manusia. Kekuatan itu tidak pernah diragut dari manusia penuh berkat yang mencintai dan ada baiknya jika bersifat sederhana apabila bercinta.

Ini kerana "cintailah orang yang kau cintai sekadarnya, siapa tahu pada suatu hari kelak ia berbalik menjadi orang yang kau benci. Dan bencilah orang yang kau benci sekadarnya siapa tahu pada suatu hari kelak ia menjadi orang yang kau cintai" memang ada kebenarannya.

Dr akui memang cinta terdahulu dengan bekas tunang sukar dilupakan. Walaupun mempunyai cinta baru, cinta lama amat sukar

dilupakan. Ini kerana apa yang dialami bersama bekas tunang tidak dapat dibuang begitu saja. Ia sebahagian diri adik. Jika kenangan itu dibuang, bermakna adik membuang sebahagian diri sendiri. Proses ini amat menyakitkan. Membakar gambar bekas tunangan hanya bersifat fizikal dan luaran. Kekecewaan hati adik masih lagi membara.

Rasai segala perasaan yang dialami. Alami perasaan kekecewaan itu hinggalah ia perlahan-lahan berlalu pergi. Apabila sudah mengalami segala perasaan, sama ada suka atau duka, barulah perasaan itu dapat pergi. Ubat kepada kekecewaan dan penderitaan ialah masa dan sabar.

Orang yang berjiwa besar memiliki dua hati; satu hati menangis dan yang satu lagi bersabar. Berkenaan keinginan hidup membujang, ia bukan satu cara terbaik

untuk melupakan keperitan kehilangan kekasih lama. Tindakan membujang, adik tidak dapat kembali bekas tunangan.

Apabila dapat mengubat hati, barulah perasaan terhadap kekasih baru dapat dipupuk. Bila ini berlaku, siramlah cinta itu dengan sinar mentari hinggalah ia mekar berkembang. Jika adik dapat melakukan ini, kepercayaan adik kepada alam percintaan kembali kuat.

Menyerah diri kepada Pencipta juga boleh mengubat kekecewaan. "Jika anda tidak mampu menatap ke depan kerana masa depan yang kelam, tidak pula mampu memandang ke belakang kerana masa lalu yang menyakitkan, maka lihatlah ke atas, nescaya anda temukan Allah di hadapanmu, dan tersenyumlah!" (Dr. Yusuf Al Syubaily).